

# Tapak rumah jadi projek ternak udang

BH 13/09/23 MIs 21

**Bukit Mertajam:** Puluhan nelayan di Kampung Kuala Juru, di sini membantah aktiviti ternakan udang yang didakwa bakal dibangunkan di atas tanah yang sepatutnya dilaksanakan projek perumahan untuk mereka.

Mereka mendakwa Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sebelum ini berjanji membantu nelayan yang tiada kediaman memiliki rumah sejak 25 tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Penduduk Kampung Kuala Juru, Wahid Othman, berkata bagaimanapun sudah lebih dua dekad berlalu projek perumahan untuk penempatan nelayan serta penduduk yang dijanjikan itu masih belum dibina.

Dakwanya, penduduk dikejutkan dengan pencerobohan sebuah syarikat yang tidak diketahui membersihkan kawasan di tanah hampir 11 hektar itu bagi projek ternakan udang.

“Saya dimaklumkan (ada syarikat nak masuk) untuk buat kajian (ingat projek perumahan), tetapi datang jentolak membersihkan kawasan itu bulan lalu kerana mahu membangunkan kolam ternakan udang.

“Kami buat bantahan dengan melaporkan segera kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) memandangkan ia tidak mengikut peraturan.

“Kami harap projek peruma-



Penduduk dan nelayan membantah projek ternakan udang di Kampung Kuala Juru di Bukit Mertajam.

(Foto Danial Saad/BH)

han dilaksanakan kerana mahu memiliki kediaman sendiri, terutama anak muda yang berkahwin tidak mahu lagi menumpang di rumah ibu bapa mereka untuk kehidupan lebih selesa,” katanya yang mewakili suara lebih 50 nelayan di sini, semalam.

Wahid berkata, mengikut Minit Mesyuarat Jawatankuasa Projek Penempatan Perumahan Nelayan Juru bertarikh 15 Oktober 1998, sebanyak RM500,000 dibiayai LKIM untuk infrastruktur awal seperti kajian tapak untuk pelaksanaan projek perumahan itu.

“Bagaimanapun sehingga hari ini (projek rumah) masih belum dibina dan apabila dibangkitkan cadangan dalam setiap minit me-

syuarat kepada LKIM, mereka maklumkan tanah itu tidak sesuai (untuk projek perumahan) kerana mendap dan lain-lain isu,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi LKIM, Muhammad Faiz Fadzil, berkata pihaknya akan membangunkan projek akuakultur di atas tapak yang dicadangkan untuk perumahan nelayan itu bagi mengurangkan bebanan kewangan ditanggung.

## Tanah lama terbiar

Beliau berkata, tanah itu sudah terbiar lama berikutan projek perumahan belum mendapat kelulusan, menyebabkan LKIM terpaksa menanggung bebanan kewangan yang memerlukan agen-

si melakukan sesuatu.

“Jadi, kita mengambil langkah memajukan tanah itu bagi mencapai agenda keterjaminan makanan dengan menambah bekalan akuakultur,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Muhammad Faiz berkata, projek itu masih pada peringkat kajian kebolehlaksanaan dan ia akan diteruskan sehingga projek perumahan dicadangkan sebelum itu mendapat kelulusan.

Katanya, sehingga kini LKIM belum melantik mana-mana pihak untuk mengendalikan projek berkenaan di tapak itu.

“Kerja pembersihan dilakukan bagi memudahkan kajian dilaksanakan dan ia tidak membabitkan pengorekan tanah,” katanya.